




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di Negeri Sabah pada hari ini adalah sebanyak 528 kes. Bilangan kematian adalah 8 orang. Jumlah kumulatif kes COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 10,396 kes. Sehingga hari ini, seramai 4,482 pesakit dilaporkan telah sembuh. Manakala, seramai 5,830 pesakit sedang menerima rawatan dalam wad di seluruh Sabah.
- 2 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Hari ini tidak ada penambahan bilangan zon merah.

- 3 Pada hari ini, terdapat satu (1) kluster baharu iaitu Kluster Samudera sebanyak 8 kes di Taman Perumahan Samudera Sandakan.
- 4 Daerah Kota Kinabalu mencatat kes tertinggi iaitu sebanyak 228 kes. Daripada jumlah ini, sebanyak 140 kes adalah daripada kluster penjara Keapayan.
- 5 Bilangan kes yang tinggi di Tawau dan Semporna adalah disebabkan hasil keputusan ujian yang baru diperolehi daripada tunggakan (*backlog*) sampel.

B. SUMBANGAN PETRONAS KEPADA JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH

- 1 Kerajaan Negeri merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yayasan PETRONAS atas komitmen untuk menyumbang peralatan perubatan (*medical items*) dan PPE berjumlah RM 2.5 juta kepada Hospital-hospital Kerajaan di Sabah.

C. SUMBANGAN KEPADA TABUNG BENCANA NEGERI SABAH

- 1 Kerajaan Negeri ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pegagau Aquaculture Sdn Bhd atas sumbangan berjumlah RM100,000.00 kepada Tabung Bencana Negeri Sabah.

D. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

- 1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasaran sedang berjalan lancar. Sehingga hari ini, sebanyak **77,396** bakul makanan telah diagihkan.

E. LAPORAN STATUS JANGKITAN DI KALANGAN WARGA PENDIDIKAN, STATUS SEKATAN JALAN RAYA (SJR), SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

1. Seramai 2 orang guru, 28 orang murid dan seorang kakitangan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dilaporkan dijangkiti COVID-19 pada 23 Oktober 2020.

2. SJR telah dilaksanakan di 66 lokasi melibatkan 45,166 pemeriksaan kenderaan. Sebanyak 230 buah kenderaan diarah berpatah balik dan sebanyak 38 kompaun dikeluarkan. Hebahan mengenai pematuhan SOP telah dilaksanakan sebanyak 60 kali melalui kereta PDRM di seluruh Sabah. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 96.13%.
3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di empat (4) daerah iaitu Kota Kinabalu, Papar, Kudat dan Semporna melibatkan keluasan 13,760 meter persegi.
4. Hebahan pematuhan SOP dan Amalan Norma Baharu melalui *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah telah dilaksanakan di 75 buah lokasi di 14 buah daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Cina, Kadazan dan Bajau.

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantai COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuat kuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Dalam kesempatan ini, saya menyeru semua penduduk negeri Sabah berikhtiar dan berdoa mengikut kepercayaan masing-masing agar negeri Sabah segera pulih dari pandemik COVID-19

**#kitajagakita #stayhome #staysafe
#workfromhome
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
23 Oktober 2020**